

BN akan sapu bersih kerusi di Kedah

ALOR SETAR, Sabtu — Penolakan Datuk Haji Asri bin Haji Muda, terhadap tawaran ikhlas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, supaya PAS menyertai semula Barisan Nasional (BN) adalah tindakan yang amat merugikan umat Islam sendiri.

Bekas Jawatankuasa Agung Pemuda PAS Pusat, Encik Hisamuddin Haji Ahmad, berkata penolakan itu juga menunjukkan bahawa dasar PAS pimpinan Datuk Asri tidak mahu perpaduan umat Islam wujud di negara ini.

Pemimpin-pemimpin PAS, tambahnya, tidak wajar menolak bulat-bulat tanpa memberi pertimbangan terlebih dahulu terhadap tawaran tulus ikhlas Perdana Menteri itu.

Encik Hisamuddin yang juga bekas Ahli Dewan Undangan PAS Negeri Kedah, berkata pemimpin-pemimpin PAS tidak perlu meragukan lagi keikhlasan tawaran terscut kerana Perdana Menteri berulang kali membuat

tawaran terbuka itu, walaupun ia ditolak bulat-bulat oleh pemimpin PAS.

"Saya percaya penolakan tawaran itu akan mengakibatkan penyokong-penyokong PAS yang mahu perpaduan umat Islam wujud di negara ini berpaling tadah dan menyokong bulat calon BN dalam pilihanraya ini," katanya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia